

**TERMA RUJUKAN**  
**JAWATANKUASA e-PEMBELAJARAN (JKeP)**  
**INSTITUT AMINUDDIN BAKI (IAB)**

1. Tarikh Pembentangan:

**23 Mei 2022**

2. Nama Mesyuarat (Wadah Pembentangan):

**Mesyuarat Pengurusan dan Profesional (MPP) Institut Aminuddin Baki Bil. 5  
Tahun 2022**


3. Keputusan Pengarah: Diluluskan/ Tidak Diluluskan/ Diluluskan dengan Pindaan  
untuk  
digunakan Diluluskan

**Diluluskan**

4. Tarikh Kuat Kuasa Penggunaan

**23 Mei 2022**

5. Tandatangan Pengarah

  
DATO' DR. HAJI AMINUDDIN BIN MOHD YUNUS  
Pengarah  
Institut Aminuddin Baki  
Kementerian Pendidikan Malaysia

6. Tarikh: **31/05/2022**

**TERMA RUJUKAN**  
**JAWATANKUASA e-PEMBELAJARAN (JKeP)**  
**INSTITUT AMINUDDIN BAKI**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**1. DEFINISI**

Jawatankuasa e-Pembelajaran (yang selepas ini disebut sebagai JKeP), Institut Aminuddin Baki (IAB), Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan menyelaraskan, mengawal selia perkara-perkara yang berkaitan e-Pembelajaran IAB, mengesahkan dan memperakukan sebarang pindaan Dasar e-Pembelajaran IAB.

**2. OBJEKTIF PENUBUHAN**

- 2.1. Meningkatkan penggunaan e-Pembelajaran dalam melaksanakan pelbagai kursus di IAB.
- 2.2. Memastikan e-Pembelajaran IAB dilaksanakan dengan berkesan.
- 2.3. Memastikan kapasiti IAB untuk melaksanakan e-Pembelajaran dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

**3. PUNCA KUASA/MANDAT**

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi IAB Bil.1/2017 bertarikh 24 Januari 2017 telah meluluskan kertas cadangan Dasar e-Pembelajaran yang merangkumi cadangan mewujudkan JKeP, IAB.

**4. KEAHLIAN**

4.1. **Pengerusi:** Pengarah IAB

4.2. **Ahli:**

- 4.2.1. Timbalan Pengarah Kanan (Kluster Khidmat Profesional)
- 4.2.2. Timbalan Pengarah Kanan (Kluster Khidmat Latihan)
- 4.2.3. Ketua-ketua Pusat IAB
- 4.2.4. Pengarah-Pengarah Cawangan IAB

4.2.5. Ketua-Ketua Jabatan:

- i. Jabatan e-Pembelajaran
- ii. Jabatan Pengurusan Sistem Maklumat
- iii. Jabatan Perancangan dan Senggaraan ICT
- iv. Jabatan Pengurusan Inovasi dan Kualiti
- v. Jabatan Dasar dan Perancangan

4.2.6. Ketua-ketua Jabatan e-Pembelajaran IAB Cawangan

4.3. **Urusetia:** Jabatan e-Pembelajaran, IAB

**5. BIDANG TUGAS/FUNGSI JAWATANKUASA**

- 5.1. Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan Dasar e-Pembelajaran IAB.
- 5.2. Menimbang dan meluluskan cadangan sasaran pelaksanaan e-Pembelajaran.
- 5.3. Menimbang dan meluluskan laporan kemajuan berkala pelaksanaan e-Pembelajaran IAB dalam komponen:
  - 5.3.1. Kapasiti infrastruktur dan infostruktur
  - 5.3.2. Pelibatan peserta
  - 5.3.3. Keberkesanan program
  - 5.3.4. Pemantapan modul e-Pembelajaran
  - 5.3.5. Pemantapan e-Modul IAB
  - 5.3.6. Kapasiti keselamatan data
- 5.4. Menimbang dan meluluskan cadangan penambahbaikan program e-Pembelajaran IAB.
- 5.5. Menimbang dan meluluskan cadangan pembangunan profesional dalam peningkatan keberkesanan penyelidikan dan pembangunan e-Pembelajaran IAB.
- 5.6. Menimbang dan meluluskan cadangan program pembangunan kapasiti peningkatan kompetensi pensyarah dalam konteks e-Pembelajaran IAB.
- 5.7. Menimbang dan meluluskan cadangan prosedur keselamatan portal dalam e-Pembelajaran IAB.
- 5.8. Menimbang dan meluluskan cadangan penentuan standard dan

spesifikasi kursus dan modul dalam e-Pembelajaran IAB.

## **6. PENTADBIRAN MESYUARAT**

- 6.1. Pengerusi ialah Pengarah IAB.
- 6.2. Kekerapan mesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun.
- 6.3. Pembentangan kertas cadangan atau kertas makluman perlu diserahkan kepada urusetia 7 hari sebelum tarikh mesyuarat.
- 6.4. Format pembentangan kertas cadangan mesti mengandungi perkara berikut:
  - 6.4.1. Tujuan
  - 6.4.2. Latar belakang
  - 6.4.3. Asas pertimbangan
  - 6.4.4. Cadangan/Strategi Pelaksanaan
  - 6.4.5. Implikasi kewangan
  - 6.4.6. Kesimpulan
  - 6.4.7. Ulasan
  - 6.4.8. Syor
- 6.5. Format pembentangan kertas makluman adalah seperti berikut:
  - 6.5.1. Tujuan
  - 6.5.2. Latar belakang
  - 6.5.3. Perkara-perkara yang hendak dimaklumkan
  - 6.5.4. Penutup

## 7. URUS SETIA

7.1. Urus setia mesyuarat ialah Jabatan e-Pembelajaran.

### NOTA:

Bil.	Perkara	Diluluskan	Tarikh
1	Terma Rujukan JKeP	Mesyuarat Pengurusan IAB	1 Jun 2017
2	Pindaan Terma Rujukan JkeP Versi 1	Mesyuarat Pengurusan dan Profesional (MPP) Institut Aminuddin Baki Bil. 5 Tahun 2022	23 Mei 2022